

Wawasan Dr. Mahathir terhadap masa depan negara membangun mendapat pujian

P
UM - 7 JUN 1990

KUALA LUMPUR 6 Jun — India memuji Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad kerana wawasannya mengenai masa depan bagi negara - negara membangun di Selatan.

Menteri Luar India, I.K. Gujral berkata, Selatan memerlukan pimpinan Dato' Sri Dr. Mahathir bagi mencetuskan penyelesaian dan pendekatan baru bagi menghadapi cabaran yang dihadapi oleh negara - negara membangun.

"Corak pimpinan yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri Malaysia telah menarik perhatian semua. Bukan sahaja beliau mempunyai perwatakan yang menarik tetapi juga merupakan seorang yang penuh dengan idea dan wawasan mengenai masa depan dan telah memberi sumbangan positif dan menyeluruh kepada Persidangan Kemuncak Kumpulan Perundingan dan Kerjasama Selatan- Selatan (G-15) di sini," katanya kepada Bernama dalam temuramah di sini semalam.

Encik Gujral, yang mengiringi Perdana Menteri India, Encik V.P. Singh pada persidangan kemuncak itu yang berakhir di sini Ahad lepas berkata, India merasa "sangat selesa" bahawa sebuah negara jiran Asia yang rapat seperti Malaysia dipimpin oleh seorang tokoh seperti Dato' Sri Dr. Mahathir.

Katanya, lawatan Encik Singh ke Malaysia merupakan "peluang yang menggembirakan" bagi Perdana Menteri India itu yang merupakan lawatan pertama oleh seorang pemimpin India dalam 22 tahun,

untuk menekankan tentang perlunya kerjasama yang lebih rapat antara kedua - dua negara yang banyak mempunyai persamaan daripada segi sejarah dan kebudayaan.

Perdana Menteri India itu melakukan lawatan negara selama tiga hari ke Malaysia selepas persidangan itu dan beliau telah mengadakan rundingan dengan rakan sejawatannya mengenai kerjasama perdagangan, pelaburan dan kebudayaan yang lebih rapat.

Kukuhkan hubungan

Encik Gujral yang menyifatkan hubungan India-Malaysia sebagai "sangat baik dan rapat" berkata, rundingan itu membantu memperkukuhkan hubungan dua hala dan mencari bidang baru untuk kerjasama perdagangan terutama di bidang - bidang di mana India boleh menggunakan kelebihan teknologinya untuk membantu program pembangunan Malaysia.

Antaranya termasuk dalam sektor tenaga. Usaha sama boleh dipertimbangkan seperti dalam projek hidro-elektrik, jelas beliau.

Beliau berkata, India sedia membekal Malaysia kepakaran bagi menubuhkan institut pendidikan tinggi terutama kolej perubatan, sebagai penyelesaian jangka panjang kepada keperluan meningkat bagi doktor di Malaysia.